

**TINJAUAN TERHADAP PENDEKATAAN APRESIASI DAN KRITIKAN
SENI DALAM MEMAHAMI KARYA SENI RUPA
*OVERVIEW OF ARTS APPRECIATION AND CRITICAL APPROACH
IN UNDERSTANDING THE VISUAL ARTWORK***

**Rosiah Md Noor¹
Mohd Zahuri Khairani²**

*Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, Universiti Teknologi MARA, Malaysia¹
Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia²
pnrosiah@gmail.com, zahuri@fskik.upsi.edu.my
Tarikh dihantar: 29 Julai 2019 / Tarikh diterima: 20 Ogos 2019*

ABSTRAK

Karya seni rupa atau seni halus mempunyai kepentingannya yang tersendiri dalam kehidupan manusia. Ia berupaya menjadikan kehidupan lebih sempurna sekiranya interaksi dan komunikasi antara seniman dan audiens terlaksana. Namun demikian, karya seni rupa adalah unik dan tidak mudah untuk difahami oleh semua lapisan masyarakat. Menerusi apresiasi dan kritikan karya seni, kefahaman dan keprihatinan terhadap sesuatu hasil karya dapat dipertingkatkan dengan lebih tepat. Terdapat beberapa pendekatan, kaedah dan model apresiasi dan kritikan seni rupa yang boleh digunakan untuk tujuan tersebut yang menjadi fokus perbincangan dalam penulisan ini. Kaedah tinjauan literatur digunakan untuk mengumpul dan menganalisis ciri-ciri dan kelebihan beberapa pendekatan apresiasi dan kritikan seni, khususnya dalam memahami bentuk dan makna sesebuah karya seni rupa. Perbincangan dalam penulisan ini dapat menjelaskan pendekatan yang dikemukakan dan diharap dapat memberi manfaat dalam menambahkan golongan celik seni serta mengurangkan jurang antara seniman dan audiennya.

Kata kunci: Seni rupa, seni halus, apresiasi seni, kritikan seni, analisis seni.

ABSTRACT

Visual artwork or fine artwork has its own significant in human life. It could make human life more perfect if the interaction and communication between the artist and the audience has been achieved. However, visual art is a unique artwork and not easy to understand by all walks of life. Thru the art appreciation and art critique, the artwork's understanding and awareness could improved in more precise. There are certain approaches, methods and model of art appreciation and art critique can be applied for said purpose that became the main focus of discussion in this writing. The literature overview has been used to collect and analyze the features and advantage of certain art

appreciation and art critique approaches, especially in understanding the visual art form and content. The discussion of this writing could explain the proposed approach and gains art literacy classes, also reducing the gap between artists and audiences.

Keywords: *Visual art, fine art, art appreciation, art critique, art analysis.*

PENGENALAN

Seni adalah pengalaman estetika yang menurut Lazzari dan Schlesier (2008) adalah satu bidang falsafah yang bersangkutan dengan sistem pengkajian seni yang dipengaruhi oleh individu artis atau seniman dan budaya persekitarannya. Mohd Johari (2007:21) menjelaskan lagi maksud estetik sebagai “sebahagian dari satu ekspresi yang mencakupi semua makna, sama ada di peringkat pengalaman dalaman individu dan luaran persekitaran artis.” Istilah estetik juga merujuk kepada keprihatinan terhadap kualiti artistik sesuatu bentuk seni seperti pernyataan, “the term aesthetics refers to the concern with artistic qualities of form” (Ocvirk, Stinson, Wigg, Bone & Clayton, 2006: 4).

Seniman menggunakan bahasa seni untuk menggabungkan elemen seni tampak menurut prinsip-prinsip seni reka menerusi media dan teknik. Hasilnya, sesebuah seni rupa mempunyai bentuk untuk meluahkan dan berkomunikasi tentang sesuatu makna. Seseorang seniman berusaha untuk menyatakan pandangan atau perasaan mereka yang merupakan makna, melalui karya tanpa sebarang kebimbangan sebagaimana mereka berkomunikasi secara bahasa percakapan (Fichner-Rathus, 2001).

Namun demikian, makna sesebuah karya seni rupa tidak mudah difahami oleh semua golongan masyarakat kerana memerlukan penghayatan tertentu. Penghayatan terhadap seni rupa memerlukan ilmu apresiasi untuk berkomunikasi dan berhubung dengan tepat kerana bahasa seni visual juga mempunyai sistem aturannya. Seni lebih dihargai bukan hanya pada kecantikan luaran bentuk karya, tetapi lebih bernilai dengan keupayaan seseorang mentafsir makna yang diungkapkan melalui bentuk karya tersebut (Ragans,1995). Lazzari dan Schlesier (2008) menambah bahawa untuk mengapresiasi seni rupa, audiens memerlukan kepekaan yang unik kerana karya tersebut dihasilkan oleh seniman yang mempunyai kepekaan yang unik.

Mentafsir karya seni rupa memerlukan penghayatan apresiasi melalui pemerhatian yang dapat dilakukan melalui pendekatan kritikan (Mohd Johari,

2007). Ragans (1995) dan Mohd Johari (2007), menyatakan bahawa kritikan seni itu adalah suatu sistem organisasi yang melihat dan membicarakan tentang seni. Kritikan seni ini akan membantu kita bagaimana cara melihat, menghayati, menilai dan menghargai sesuatu karya seni dengan penuh keprihatinan.

Kepentingan Memahami Seni Rupa

Menerusi bahasa visual, sesebuah karya seni menyediakan maklumat yang berbeza dari segi makna, bergantung pada kepekaan dan pengetahuan audiens tentang seni rupa itu sendiri. Kefahaman dan apresiasi audiens akan dapat menghubungkan pemikiran, pandangan dan perasaan seniman tentang sesuatu perkara yang boleh menjadikan kehidupan manusia lebih sempurna kerana seni mempunyai kekayaan dan kepintarannya yang tersendiri (Fichner-Rathus, 2001).

Semakin banyak yang diketahui tentang seni, semakin kewujudan kita dipertingkatkan olehnya. Ia dihasilkan untuk berkongsi idea atau kehairahan tentang sesuatu perkara, sebagaimana yang diungkapkan oleh Lazzari dan Schlesier (2008: 1–3) bahawa “Art has a richness and intelligence that illuminate our lives. The more we know about art the more our existence is enhanced by it. Human beings makes art to better understand life and to communicate passions or ideas to others.”

Fichner-Rathus (2001: 112) juga sependapat bahawa “Awareness of form and content helps viewers to understand and appreciate the visual arts more fully.” Hal ini disebabkan seni dapat memenuhi keperluan manusia untuk memperagakan, meraikan dan meluahkan ekspresi diri (Fichner-Rathus, 2008; Ragan, 1995). Manusia mempunyai emosi, perasaan, pengalaman, fikiran, pandangan untuk dikongsi dan diberi perhatian dan berkomunikasi tentang sesuatu idea (Tolstoy, 2007).

Sejak zaman prasejarah, manusia telah berinteraksi dan berkomunikasi melalui seni. Kini, manusia menggunakan seni rupa bukan hanya untuk meningkatkan persekitaran visual malah sebagai santapan jiwa (Mohd Johari, 2007) untuk merasa tenteram. Tidak keterlaluan jika dikatakan seni rupa kini menjadi satu simbol status kepada kemasyhuran dan kemewahan. Perkara ini adalah berdasarkan kepada kemunculan semakin banyak badan jual beli dan lelongan karya seni.

Henry Butcher Art Auctioneers, The Edge Auction Southeast Asian Art, KLAS Art Auction, Malaysian & Southeast Asian Art Auction dan Art Friends

for Haiyan Charity Auction adalah antara badan jual beli dan lelongan karya seni yang turut berperanan memberi penjelasan tentang sesebuah karya yang diperagakan untuk tujuan meningkatkan lagi nilai estetik dan artistik karya. Pemerhatian penulis dapat dikaitkan dengan aktiviti kebanyakan pengumpul hasil seni yang menjadikan karya seni sebagai pelaburan menguntungkan, selain ganjaran kemasyhuran kepada artis.

Karya seni yang bernilai dari segi estetik turut bernilai dari segi harga yang mana kebanyakan artis sangat bergantung untuk tujuan kewangan dan sara hidup. Fichner-Rathus (2001) menjelaskan bahawa seni rupa membolehkan individu untuk mencari nafkah dan bermewah dengannya. Pada masa yang sama, penghasilan karya dapat memenuhi keperluan untuk mencapai potensi unik peribadi, iaitu keperluan aktualisasi diri, yakni keperluan untuk penerokaan dan penciptaan pembaharuan (*novelty*).

Selain daripada keperluan asas hidup seperti makanan, pakaian, perlindungan dan kasih sayang, keperluan lain adalah untuk mencapai keperluan pengiktirafan dalam hidup. Penghasilan karya seni yang diterima oleh orang lain merupakan suatu bentuk pencapaian dan pengiktirafan sosial kepada seseorang seniman, yang menurut Fichner-Rathus (2001: 24), “creating works of art that are accepted by one’s audience can lead to an artist’s social acceptance and recognition.”

Walaupun artis adalah manusia yang memerlukan pencapaian, kejayaan dan prestij, penghasilan karya seni lebih mengutamakan keperluan untuk berkongsi idea. Keperluan manusia untuk berkongsi idea tentang emosi dan perasaan melalui seni diterjemahkan dengan pelbagai cara. Menurut Mohd Johari (2007: 170), seorang ahli psikologi bernama Charlotte Wolff, menyatakan bahawa manusia kerap mengeluarkan pernyataan perasaan di luar kawalan diri yakni di bawah sedar. Seniman seni rupa menghasilkan karya hasil daripada sesuatu idea yang mengandungi emosi dan perasaannya untuk dikongsi bersama dengan seseorang yang lain.

Manusia dapat berkongsi pelbagai perkara kerana seni rupa dicipta bukan sekadar untuk memenuhi keperluan diri seniman tetapi juga keperluan masyarakat sejagat. Seni yang mewakili sesebuah bangsa mewujudkan budaya tersendiri yang penting untuk difahami dan dikaji. Hal ini demikian kerana seni menjadi ‘dokumen’ budaya (Lazzari & Schlesier, 2008) yang dapat menjelaskan cara hidup, pemikiran, sikap dan perubahan serta perkembangan nilai sesebuah bangsa (Mohd Johari, 2007).

Kepentingan memahami seni rupa atau seni visual ini diakui oleh Ragan (1995) kerana seni visual mempunyai bahasa tampak yang dapat menghubungkan manusia melangkaui bahasa percakapan di seluruh dunia. Dalam konteks hari ini dengan kemudahan internet yang canggih, perkongsian ini dapat dilakukan dengan pantas dari mana-mana lingkungan sempadan masa dan tempat melalui karya seni.

Pendekatan Kaedah Apresiasi dan Kritikan Seni Rupa

Pelbagai pendekatan kaedah kritikan seni rupa secara profesional telah dipraktikkan oleh ahli akademik, ahli sejarah, kurator atau wartawan. Lazzari dan Schlesier (2008: 88) menggariskan beberapa pendekatan kritikan seni yang muncul pada abad ke-20 dan awal abad ke-21 yang memfokuskan kepada falsafah tertentu. Antaranya ialah kritikan Formalis, kritikan Ideologikal, kritikan berasaskan Struktural, kritikan Psikoanalitik, kritikan Feminis dan kritikan berfokuskan Budaya Visual. Selain kritikan yang berpusatkan falsafah tertentu, terdapat pendekatan kritikan yang bersifat umum menyentuh aspek asas seni rupa yang lebih mudah digunakan dalam mentafsir karya seni rupa.

Kritikan dengan Pendekatan Bentuk dan Makna

Fichner-Rathns (2008), Ocvirk, Stinson, Wigg, Bone dan Cayton (2006) dan McEvelley (1991) menyatakan bahawa bentuk dan makna sesuatu karya seni tidak boleh dipisahkan kerana kedua-dua aspek ini memberi kesan kepada cara penonton melihat atau berfikir tentangnya. Mereka mentakrifkan bentuk sebagai aspek estetika yang menjadikan objek karya seni seperti medium, bahan-bahan yang digunakan, skala dan lain-lain. Makna pula adalah maksud yang timbul daripada karya, sama ada maksud yang menjadi pernyataan oleh artis tersebut ataupun maksud yang diterjemahkan oleh penonton.

Bentuk dan makna saling berhubungan dalam lingkungan sesebuah karya seni sebagaimana hujahan McEvelley (1991) bahawa segala yang mungkin dikatakan tentang sesebuah karya adalah penjelasan yang tidak terkecuali tentang ciri-ciri estetika yang berkaitan dengan makna, sama ada disadari ataupun tidak. Setiap aspek formal dalam karya seni adalah keputusan estetika di mana artis dalam keadaan tertentu mempertimbangkan untuk memilih beberapa pilihan tentang tindakan yang berkaitan dengan estetika. Walaupun jika pilihan ini dibuat di bawah kesedaran, artis mengakui keutamaan mereka daripada satu aspek formal kepada yang lain dalam berkarya. Naluri mereka tahu bahawa ia akan memberi kesan terhadap keseluruhan cara karya itu dilihat dan diungkapkan.

Dalam erti kata lain, segala tujuan dan maksud tindakan formal serta estetika adalah terbit dan terletak pada karya tersebut. Sebaliknya pula, makna memberi kesan kepada bentuk kerana jika artis menghasilkan karya seni dengan niat untuk menyampaikan mesej tertentu, makna yang mereka harap dapat diwujudkan akan menentukan keputusan atau tindakan untuk mendapatkan mesej ini sampai kepada penonton.

Kritikan dengan Pendekatan Feldman

Antara kaedah kritikan seni yang menyentuh aspek bentuk dan makna seni rupa yang popular ialah kaedah kritikan seni oleh Feldman (1967) yang menyarankan empat peringkat, iaitu deskripsi (*description*), analisis (*analysis*), interpretasi (*interpretation*) dan penilaian (*judgement*).

Ragans (1995) di dalam bukunya yang bertajuk, *Art Talk* edisi ke-3, mempopularkan kaedah ini dengan memandu setiap satu peringkat dengan persoalan tertentu. ‘Deskripsi’ sebagai ‘Apa yang dilihat,’ ‘Analisis’ sebagai ‘Bagaimana karya tersebut diorganisasikan,’ ‘Interpretasi’ sebagai ‘Apa yang artis perkatakan’ dan ‘Penilaian’ dengan soalan ‘Adakah karya tersebut berjaya.’

Penerangan atau ‘description’ adalah peringkat pertama dalam teori apresiasi seni ini. Pada peringkat ini, pengkritik akan menyenaraikan apa sahaja fakta yang dilihat pada bentuk karya tersebut (*What do you see?*). Proses ini adalah langkah awal sebelum proses penilaian yang lebih terperinci dibuat. Penerangan itu termasuklah bahan yang digunakan dan saiz karya.

Peringkat kedua ialah Analisis atau ‘Analysis,’ memerlukan pengkritik menyenaraikan fakta berkaitan dengan bentuk karya. Bagaimana elemen-elemen dan prinsip-prinsip dalam seni diolah atau diorganisasikan (*How is the artwork organized?*). Penekanan kepada unsur-unsur seperti garisan, jalinan, bentuk, ruang, tekstur dan warna, diolah menggunakan prinsip seni seperti harmoni, pergerakan, keseimbangan, kepelbagaian, perbandingan, penegasan dan kesatuan.

Interpretasi atau ‘Interpretation’ merujuk kepada makna karya yang menyatakan semula apa yang ingin disampaikan oleh seniman kepada penghayat (*What is the artist saying?*). Proses ini melibatkan kebijaksanaan, imaginasi dan keberanian. Menurut Ragan (1995), andaian tersebut hendaklah berkaitan dengan segala maklumat yang telah diperoleh daripada peringkat pertama dan kedua, kritikan yang perlu disokong dengan pemerhatian yang diperoleh.


Peringkat Penilaian atau ‘Judgement’ menuntut pengkritik untuk menilai sama ada karya tersebut berjaya ataupun sebaliknya (*Is this a successful work of art?*). Pada peringkat ini, pendapat kepada segala pemerhatian yang telah diperoleh diperlukan. Penilaian ini mestilah bergantung kepada ciri-ciri estetik sesebuah karya (Ragan, 1995).

Selain memahami seni rupa melalui pendekatan kritikan seni oleh Felman (1967) yang diperbaharui oleh Ragan (1995), pendekatan kritikan dan apresiasi seni melalui bentuk dan makna seni rupa yang diutarakan oleh Ocvirk *et al.* (2006) juga merupakan pendekatan yang sesuai diamalkan kerana menggunakan pendekatan asas seni yang merupakan komponen seni rupa itu sendiri.

Kritikan dengan Pendekatan Model Kesatuan Organik

Ocvirk *et al.* (2006) menyatakan bahawa komponen subjek selain bentuk dan makna merupakan komponen utama sesebuah karya seni rupa. Semua bahagian dalam komponen utama ini saling berkaitan yang mewujudkan suatu gabungan yang dinamakan ‘Kesatuan Organik’ (*Organic Unity*). Setiap komponen tidak terikat sebagai pemula atau pengakhir, begitu juga darjah kepentingan setiap satu komponen adalah bergantung kepada pilihan seniman yang bebas dalam tindakan menghasilkan karya dalam konteks masa kini.

Model Kesatuan Organik (*Organic Unity*) oleh Ocvirk *et al.* (2006), boleh digunakan sebagai sandaran untuk membuat penghayatan dan kritikan seni terhadap karya seni rupa dengan lebih terperinci dan teratur. Melaluinya, interpretasi dapat dijalankan dengan cara yang lebih sistematik bagi memahami kandungan sesebuah karya. Kesatuan Organik terdiri daripada tiga pecahan seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.



Sumber: Ocvirk *et al.* (2006: 13)

Rajah 1 Model Kesatuan Organik Uniti

Susunan Gabungan Organik membentuk suatu bentuk kesatuan yang sentiasa hidup dan dinamik seperti organik. Ocvirk *et al.* (2006) menyatakan bahawa pecahan yang terdiri daripada bentuk yang memperkatakan tentang persoalan ‘Bagaimana’ karya diolah. Subjek memperkatakan tentang persoalan ‘Apa’ yang ingin ditunjukkan pada karya. Makna pula memperkatakan tentang persoalan ‘Kenapa’ karya dihasilkan.

Setiap karya yang dihasilkan lazimnya mengutarakan pelbagai subjek bagi membolehkan sesebuah karya itu terbentuk dan dapat berkomunikasi. Ocvirk *et al.* (2006) menegaskan, subjek bukan sahaja merujuk kepada manusia, figura atau benda, malahan sebagai sesuatu idea. Subjek yang dapat dikenal pasti sama ada manusia, figura atau benda dikatakan bersifat objektif dan apabila diolah menjadi sebagai imej yang kelihatan pada karya. Bagi karya yang bersifat non-objektif atau berupa abstrak, subjek merupakan idea yang disampaikan melalui susun atur unsur-unsur seni yang biasanya diekspresikan sebagai sesuatu rakaman kekuatan luahan tenaga dan pergerakan pengkaryaan.

Bentuk merujuk kepada keseluruhan organisasi atau komposisi sesuatu karya yang diolah oleh elemen dan prinsip seni. Kedua-dua bahagian ini memainkan peranan yang amat penting dalam pengolahan subjek bagi penghasilan karya yang bermakna dengan penampilan yang menarik. Penampilan karya yang menarik dan makna yang berkesan lahir daripada olahan unsur dan prinsip seni yang efektif serta penggunaan media dan teknik yang bersesuaian. Perkembangan dalam hubungan antara prinsip dan unsur seni ini mampu menggarap sesuatu perasaan dan maksud tersirat terhadap keseluruhan organisasi sesuatu karya seni sama ada karya bersifat realistik mahupun abstrak (Ocvirk *et al.*, 2006).

Setiap karya yang terhasil akan membawa makna dan maksud yang berhubung kait dengan kandungan sesuatu karya. Makna dapat difahami melalui pernyataan dan ekspresi menerusi subjek yang diolah dan diorganisasikan oleh elemen dan prinsip seni, selain menerusi bahan dan teknik yang digunakan. Kandungan atau makna karya dapat dirujuk kepada sifat deria, subjektif, psikologi atau emosi yang menjadi asas maksud dan kepentingan karya seni sebagaimana kenyataan Ocvirk *et al.* (2006: 4) bahawa “The essential meaning and significance of a work of art. Content refers to the sensory, subjective, psychological or emotional properties a work of art contains.”

Kritikan dengan Pendekatan Kaedah Analisis Visual

Rose (2001) mengemukakan beberapa pendekatan kritikan yang menjurus kepada kaedah analisis dan interpretasi seni visual menerusi kajian empirikal. Antaranya ialah kaedah interpretasi komposisi (*compositional interpretation*), kaedah analisis semiologi (*semiology analysis*), kaedah psikoanalisis (*psychoanalysis*), kaedah analisis wacana (*discourse analysis*), dan kaedah analisis kandungan (*content analysis*).

Menerusi kaedah interpretasi komposisi (*compositional interpretation*), Rose (2001) mengemukakan kaedah yang khusus untuk menganalisis penampilan imejan yang terdapat pada karya seni visual. Interpretasi imejan memfokus kepada komposisi olahan imej, penghasilan imej yang melibatkan teknik dan media dan maksud imej yang hanya jelas kelihatan.

Kaedah analisis semiologi (*semiology analysis*) pula menurut Rose (2001) lebih memfokus kepada maksud imejan. Semiologi bermaksud kajian terhadap tanda (*sign*) yang menjurus kepada maksud sesuatu imej yang dihasilkan dalam karya seni visual secara mendalam dan terperinci. Berbeza dengan kaedah psikoanalisis yang menyiasat imej yang terdapat pada karya dan pandangan audiens terhadap imej karya berdasarkan sudut subjektiviti, seksualiti dan keadaan bawah sedar.

Kaedah analisis wacana (*discourse analysis*) secara umumnya menurut Rose (2001) merujuk kepada sekumpulan pernyataan yang distruktur berdasarkan cara sesuatu perkara atau benda tersebut difikirkan dan berdasarkan cara kita bertindak terhadap asas pemikiran tersebut. Kajian terhadap imej visual tertumpu kepada pengetahuan, institusi yang terlibat, subjek dan praktis seni bagi mentakrifkan sesuatu imej sebagai karya seni visual.

Kaedah analisis kandungan (*content analysis*) yang disarankan oleh Rose (2001) pula lebih tertumpu kepada pendekatan kuantitatif. Analisis imej yang terkandung dalam karya seni visual dihubungkan dengan pengukuran jumlah pengulangan dan pengesahan yang nyata terhadap sesuatu aspek yang berkaitan dengan imej yang dikaji. Kaedah ini menghala kepada analisis yang tepat, boleh dipercayai, jelas dan rigid, sesuai dengan asal kaedah ini digunakan iaitu untuk menganalisis kandungan bahan teks dan bahasa verbal.

Namun demikian, kaedah analisis kandungan telah berkembang dan boleh diaplikasikan dengan pendekatan kualitatif terhadap semua jenis bahan termasuk

juga visual. Bahan visual seperti karya seni rupa sama ada yang mengandungi imej kaku atau bergerak seperti muzik, filem, video dan animasi dapat diinterpretasi dengan menilai kewujudan makna dan hubungan konsep-konsep tertentu secara berstruktur dan bersistematik (Siti Uzairiah, 2016; Schreier, 2014; Leedy & Ormrod, 2005; Rohana, 2004).

KESIMPULAN

Beberapa pendekatan dan kaedah apresiasi dan kritikan seni rupa yang dibincangkan di atas mempunyai kelebihan masing-masing berdasarkan jenis dan bentuk kefahaman yang ingin dicapai. Kritikan seni dalam apa sahaja pendekatan dan kaedah, bertujuan memahami dan menghargai karya seni rupa dengan tepat. Namun demikian, kritikan dengan pendekatan bentuk dan makna lebih mudah digunakan kerana merujuk kepada asas seni rupa.

Apresiasi dan kritikan seni dapat memberi manfaat kepada seniman dan audiens yang terdiri daripada golongan pengkritik seni dan masyarakat umum. Seniman yang menghasilkan karya seni dapat berkomunikasi dengan audiens yang menjadikan hubungan dua hala lebih berkesan. Pengkritik seni yang profesional dapat membantu menjelaskan kandungan dan kepentingan sesebuah karya seni kerana kritikan dan apresiasi secara penulisan ilmiah melibatkan kajian dan penyelidikan. Ia menjadi bahan pendidikan berkepentingan kepada masyarakat dan meningkatkan ilmu pengetahuan tentang seni yang dapat dirujuk dan dikembangkan dalam kehidupan manusia sejagat.

RUJUKAN

- Feldman, B. E. (1967). *Art as image and idea*. New Jersey: Prentice-Hall.
- Fichner-Rathus, L. (2001). *Understanding art* (6th ed.). USA: Harcourt College Publishers.
- Fichner-Rathus, L. (2008). *Understanding art: A concise history*. USA: Thomson Wadsworth.
- Lazzari, M. & Schlesier, D. (2008). *Exploring art: A global thematic approach* (3rd ed.). USA: Thomson Wadsworth.
- Leedy, P.D. & Ormrod, J. E. (2005). *Practical research: Planning & design* (8th ed.). USA: Pearson Prentice Hall.
- McEvilley, T. (1991). On the manner of addressing clouds. In *Art and Discontent: Theory at the Millennium*. New York: McPherson & Co.
- Mohd Johari, A. H. (2007). *Falsafah dan kritikan seni*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Ocvirk, O. G., Stinson, R. E., Wigg, P. R., Bone, R. O., & Cayton, D. L. (2006). *Art fundamentals: Theory and practice* (10th ed.). New York: McGraw Hill.

- Ragan, R. (1995). *Art talk* (2nd ed.). Ohio: Macmillan/McGraw-Hill.
- Rohana, Y. (2004). *Penyelidikan sains sosial*. Pahang: PTS Publications.
- Rose, G. (2001). *Visual methodologies*. London: SAGE Publications.
- Rose, G. (2012). *Visual methodologies: An introduction to researching with visual materials*. (3rd ed.). London: SAGE Publications.
- Schreier, M. (2014). Qualitative content analysis. In Uwe Flick (Eds.). *The SAGE Handbook of Qualitative Data Analysis*. London: SAGE Publications Ltd. DOI: <http://dx.doi.org/10.4135/9781446282243.n12>. On April 14 2016.
- Siti Uzairiah, M. T. (2016). *Qualitative research, interview analysis & NVIVO11 exploration*. Kuala Lumpur: ARAS Publisher.
- Tolstoy, L. (2007). *The nature of art*. Cologne: Tachen.

